



---

**Islamologisme: Akhbar Melayu dan Intelektual Patriotik Dalam Sorotan Sejarah Sarawak, 1930-1950**

Nordi Achie<sup>©</sup>  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah

**Pengenalan**

Makalah ini bertujuan menelaah citra perjuangan tiga akhbar Melayu (*Fajar Sarawak*, *Utusan ASAS* dan *Utusan Sarawak*) di Sarawak (merentasi dwizaman berbeza) dari perspektif komparatif. Penulis menggunakan kaedah dan analisis sejarah. Terdapat tiga pertimbangan asas yang mendasari telaah komparatif ini. Pertama, ketiga-tiga akhbar ini mempunyai persamaan dan perbezaan tertentu dalam pelbagai dimensi. Kedua, *UA* dan *US* mempunyai kesinambungan dan perkaitan menarik dengan *FS* dari segi matan perjuangannya. Ketiga, telaah komparatif secara holistik terhadap *FS*, *UA* dan *US* memperlihatkan agenda dan aspirasi *FS* yang diteruskan oleh *UA* dan *US*. Makalah ini berbeza (pada bahagian tertentu) dengan karya penulis, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*. Buku ini tidak menyentuh perjuangan *US*. Perbandingan antara *FS* dan *UA* pula sekadar disengkol seimbis lalu sahaja. Justeru, makalah ini akan menggarap ketiga-tiga akhbar ini secara inklusif dan konklusif. Seterusnya, skop *US* perlu dibataskan untuk tempoh awal penerbitannya sahaja (1949-1950) kerana ini merupakan tempoh kritikal (tahap pertama) zaman pemerintahan kolonial British di Sarawak (1946-1950). Struktur makalah ini disusun secara tematik: latar belakang, matan (agenda dan aspirasi atau isi kandungan utama terpilih) serta perbandingan dan kesinambungan.

---

© Penulis dilahirkan di Desa Wawasan Nelayan Contoh, Kampung Muara Tebas, Kuching, Sarawak. Mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian/1998), Ijazah Sarjana Sastera (2002) dan Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah Malaysia/2012) di Universiti Malaya. Berkhidmat di Universiti Malaysia Sabah sejak 2003. Menumpukan kajiannya dalam arena kolonialisme, nasionalisme dan intelektualisme, selain wacana falsafah, sufisme, pemikiran dan sejarah Islam. Penulis merupakan pemenang pertama, Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia (1998) dan Anugerah Tesis PhD Cemerlang (2012).

## Kemunculan dan Kebangkitan Bersejarah

*Fajar Sarawak (FS)* diterbitkan Syarikat Putra Sarawak pada 1 Februari 1930 di Kuching. Syarikat ini dimiliki bersama oleh lima orang pemuda Melayu. Mereka ialah Muhammad Rakawi Yusuf<sup>1</sup> (selaku ketua pengarang), Haji Muhammad Daud Abdul Ghani, Muhammad Johari Anang, Haji Abdul Rahman Haji Kassim dan Muhammad Awi Anang. Pejabatnya terletak di No. 45, Tingkat 2, India Street, Kuching. Untuk membiayai kos penerbitan *FS*, mereka berkongsi modal. *FS* diterbitkan dua kali sebulan iaitu pada awal dan pertengahan bulan. Akhbar ini dijual dengan harga \$0.12 senaskhah, \$1.80 langganan enam bulan dan \$3.20 setahun di Sarawak dan Tanah Melayu. Di Indonesia, *FS* dijual dengan harga 5 *pound sterling* setahun dan 3 *pound sterling* bagi enam bulan. *FS* diterbitkan lapan halaman setiap keluaran. Setiap halaman dibahagikan kepada tiga lajur. Akhbar ini dicetak oleh Diocesan Press dengan huruf jawi yang kemas dan mudah dibaca. Pejabatnya terletak di No. 35-37, Wayang Street, Kuching. Aspek bahasa *FS* dipengaruhi oleh tatabahasa dan istilah Inggeris, Arab dan Melayu Sarawak. Akhbar ini memuatkan bahagian rencana pengarang, rencana, surat pembaca, cerpen, sajak, berita dalam dan luar negeri, iklan dan kata-kata hikmah. Seruan *FS*, “Fajar telah tersinsing. Bangunlah wahai bangsaku”. Motonya, “Perkhabaran Am, Pengajaran, Pengetahuan dan Penghiburan”. Jumlah edaran *FS* tidak dapat dipastikan. Tidak ada rekod mengenainya. Tumpuan edarannya kepada masyarakat Melayu. Masalah

---

<sup>1</sup> Beliau lahir sekitar 1890-an di Kampung No. 3, Jalan Muhibbah, Kuching. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Joseph dan Kolej Kebangsaan Sarawak. Rakawi Yusuf merupakan bekas Pegawai Kastam dan Guru Silat Melayu. Beliau juga dikenali sebagai *Master Rakawi*. Rakawi Yusuf adalah pengasas Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) Cawangan Kuching pada 1936. Beliau dipercayai pernah menghadiri mesyuarat PASPAM di Kuala Lumpur pada 1934. Rakawi Yusuf juga mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Melayu Singapura di samping terdedah dengan kegiatan persuratkhabaran dan persatuan Melayu di Tanah Melayu pada akhir 1920-an dan awal 1930-an. Minatnya dalam kegiatan penulisan terserlah apabila menghasilkan *Hikayat Sarawak* dan *Melati Sarawak*. Kedua-duanya diterbitkan oleh Sarawak Printing Company. Pada 1934-1936, beliau dilantik sebagai wakil Melayu dalam *Kuching Sanitary and Municipal Advisory Board*. Selain menjadi pengasas dan ketua sidang pengarang *Fajar Sarawak* (1930), Rakawi Yusuf juga merupakan antara pelopor idea penyatuan Melayu dan pengasasan Persatuan Melayu Sarawak (1939). Rakawi meninggal dunia pada 1936. Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak: Akhbar Bahasa Melayu Yang Pertama Di Sarawak 1930*, Persatuan Kesusasteraan Sarawak, Kuching, 1984, hlm. xv-xvi. Sabihah Osman, “*Fajar Sarawak dan Utusan Sarawak* Peniup Semangat Kesedaran Dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, hlm. 208 dan *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 140-141. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 132-137. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 17. Nordi Achie, “Pemikiran Rakawi Yusuf Dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel *Melati Sarawak* 1932”, *Sejarah*, No. 7-1999, hlm. 81-121. Jaraiee Sawal, “Pergerakan Bahasa-Sastera Melayu di Sarawak 100 Tahun”, dalam S. Othman Kelantan (ed.), *100 Tahun Pergerakan Bahasa Dan Sastera Melayu 1888-1988*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 205-206.

perhubungan yang masih mundur dan batasan kewangan untuk mencetak jumlah yang lebih besar menyebabkan *FS* tidak dapat diedarkan secara meluas di kawasan luar bandar atau di luar Kuching. Di luar negeri pula, *FS* diedarkan ke Tanah Melayu, Indonesia, Mesir dan Mekah.<sup>2</sup>

*Utusan ASAS (UA)* diterbitkan pada 10 Oktober 1947 oleh Angkatan Semangat Anaknegeri Sarawak (ASAS). Ikhwan Zaini<sup>3</sup> memainkan peranan penting menerbitkan *UA*. Beliau mengetuai sidang editor *UA* di samping Johari Anang dan Haji Abdul Rahman Kassim. *UA* dicetak dua kali sebulan, diterbitkan pada awal dan pertengahan bulan. Harganya sepuluh sen senaskhah. Pada awalnya, *UA* dicetak oleh Kuching Press. Tetapi, mulai keluaran kedua hingga akhir, percetakan *UA* diambil alih oleh ASAS Press untuk melicinkan urusan penerbitan, percetakan dan pengedarannya. Pejabat ASAS Press terletak di Pejabat ASAS, No. 39, Tingkat 1, India Street, Kuching. Akhbar ini diterbitkan oleh Pejabat Perhubungan Raya (PPR) ASAS dengan huruf rumi. Di sepanjang penerbitannya mulai 10 Oktober 1947 hingga 15 Ogos 1948, *UA* diterbitkan 20 keluaran. Hanya 13 keluaran sahaja yang masih kekal. Tujuh keluaran yang terakhir tidak ditemui lagi iaitu keluaran 15 Mei, 1 Jun, 15 Jun, 1 Julai, 15 Julai, 1 Ogos dan 15 Ogos 1948.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 65-85.

<sup>3</sup> Ikhwan Zaini dilahirkan pada 17 Mei 1915 di Kampung Patingan, Kuching. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu, Sekolah St. Thomas dan Victoria Bridge College di Singapura hingga lulus Senior Cambridge. Beliau pernah berkhidmat sebagai kerani di Pejabat Daerah Lawas dan Sekretariat Hal Ehwal Bumiputera. Pada 1946, beliau meletak jawatan dalam perkhidmatan kerajaan kerana membantah Pekeliling No. 9 / 1946. Beliau adalah antara pejuang anti penyerahan yang dikenali dalam kumpulan 338. Ikhwan Zaini terlibat secara aktif dalam gerakan anti penyerahan. Beliau menubuhkan Angkatan Semangat Anak Negeri ( ASAS ), sebagai platform menentang penyerahan Sarawak kepada British. Beliau merupakan Setiausaha Agung ASAS yang pertama. Beliau juga merupakan antara pengasas *Utusan Asas*. Dalam arena politik, Ikhwan Zaini pernah memegang jawatan Ketua Penerangan Parti Negara Sarawak ( 1960 ), AJK Parti Perikatan Sarawak ( 1963 ) dan Presiden Parti Bumiputera Sarawak ( 1966 ). Sebagai Menteri Kabinet Sarawak, Ikhwan Zaini pernah memegang jawatan Menteri Kerajaan Tempatan ( 1966-1977 ) dan Menteri Kebajikan Sosial ( 1970-1972 ). Semasa memegang jawatan sebagai Presiden Parti Bumiputera Sarawak, Ikhwan Zaini menyerahkan haknya terhadap US kepada rakan seperjuangan iaitu Cikgu Dol Safah. Mulai tahun 1967, US diterajui oleh Cikgu Dol Safah. Ikhwan Zaini menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 13 Januari 1981 – tiga hari sebelum menyambut ulang tahun ke-32 kelahiran US. Atas jasa baktinya kepada bangsa dan nusa, Ikhwan Zaini dianugerahkan ‘Tan Sri’ pada 1979 ( Darjah Panglima Mangku Negara ). Sebagai menghargai sumbangannya juga, Ikhwan Zaini pernah dilantik sebagai Pemangku Yang Di-Pertuan Negeri Sarawak sebanyak tiga kali. Bagi memperingati peranannya dalam bidang kewartawanan, Ikhwan Zaini juga dianggap sebagai Bapa Kewartawanan Melayu Sarawak. Untuk keterangan lanjut, rujuk Dayang Naralam Abang Raini, *Ikhwan Zaini ; Satu Kajian Tentang Perjuangan dan Pemikiran Politiknya*, Latihan Ilmiah, B. A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996/1997.

<sup>4</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat Nordi Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 28-41.

*Utusan Sarawak (US)* diterbitkan pada 16 Januari 1949. Akhbar ini diasaskan Ikhwan Zaini dan Muhammad Johari Anang<sup>5</sup> dengan kerjasama ASAS. Kakitangan *US* terdiri daripada 26 orang. Mereka merupakan tokoh penggeraknya. *US* diterbitkan pada 16 Januari 1949. Ia diterbitkan sebagai akhbar tengah bulan. Motonya, “OLEH RA’AYAT UNTOK RA’AYAT”. Dengan sokongan dan sambutan yang meluas daripada pembaca, *US* diterbitkan sebagai akhbar mingguan mulai 28 Februari 1949. Mengenai perkembangan awalnya, *US* diterbitkan 99 keluaran: 49 keluaran pada 1949 dan 50 keluaran pada 1950. Hanya 73 keluaran sahaja yang kekal dan 26 keluaran tidak dijumpai lagi. Bagi menguruskan penerbitan, percetakan dan pengedaran *US*, Ikhwan Zaini menubuhkan Ariff Press Company. Pejabatnya terletak di No. 29, Khoo Hun Yeang Street, Kuching. *US* dicetak dalam huruf rumi. Akhbar ini dijual dengan harga 10 sen senaskhah dengan empat halaman bercetak. Harga langganan *US* setahun \$2.40, enam bulan \$1.20 dan tiga bulan 60 sen. Akhbar ini diedarkan ke seluruh Sarawak kecuali kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan pos dan pengangkutan. Tidak ada rekod tentang jumlah edarannya. *US* juga diedarkan ke Brunei, Tanah Melayu dan Indonesia. Terdapat ruangan rencana pengarang, “Kritik”, iklan, rencana, berita dalam dan luar negeri, surat pembaca dan karya sastera. Ikhwan Zaini menegaskan akhbar tersebut diterbitkan demi memperjuangkan “segala keadilan dan kebenaran serta menentang segala kedzaliman, pergerakan<sup>2</sup> yang melampau dan yang berlawanan dengan undang<sup>2</sup> dan peraturan<sup>2</sup> yang biasa, berkhidmat untuk kewajipan dan keperluan raayat seluruhnya, serta bekerjasama dengan raayat untuk menchiptakan chita<sup>2</sup> raayat dan berkhidmat untuk pembinaan masharakat yang sempurna dan untuk perpaduan raayat yang

---

<sup>5</sup> Beliau lahir di Kuching pada 1889, berasal dari Palembang, Sumatera. Ayahnya berketurunan India-Muslim. Johari merupakan guru bahasa Inggeris dan peniaga berketurunan Minangkabau di Kuching. Selain menjadi pengasas *Fajar Sarawak*, beliau juga merupakan pengasas Persatuan Melayu Sarawak (PMS). Apabila PMS didaftarkan pada 10 Oktober 1939, beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung PMS pertama. Johari pernah menjadi editor *Khabar Harian Kuching*. Pada 1947, beliau menghasilkan buku, *Apakah Kamu Suka Menjadi Tuan Punya Atau Menjadi Orang Hanyut*. Buku ini diterbitkan oleh PKMS berhuruf jawi, menyentuh isu penyerahan Sarawak. Naskhahnya tidak dapat dikesani. Beliau juga merupakan pengasas *Utusan ASAS* (1947-1948) dan *Utusan Sarawak* (1949-1971). Selain Ikhwan Zaini, Johari menulis dalam ruangan “KRITIK”, *Utusan Sarawak*. Beliau mulai aktif menulis dalam *Utusan Sarawak* pada 1951. Beliau meninggal dunia pada 1964. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 17. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 133. *Utusan ASAS*, 15 Disember 1947, hlm. 2. Temu bual dengan Kamsiah Hashim. Beliau merupakan menantu Johari yang paling rapat dengannya. Abdul Hamid mengakui pernah membaca *Apakah Kamu Suka Menjadi Tuan Punya Atau Menjadi Orang Hanyut*. Menurutnya, di halaman depan buku tersebut terdapat gambar pemuda berdayung sampan sambil menentang arus sungai yang deras. Di sungai itu pula terdapat beberapa orang yang terkapai-kapai tangannya akibat hanyut dan lemas. Beliau mengesahkan buku itu ditulis oleh “Pak Wa” (panggilan bagi Johari Anang yang merupakan sepupu kepada Abdul Rahman Kassim). Pada 1949, Johari menyatakan hasratnya menulis buku yang merakamkan perjuangan golongan antipenyerahan menentang penyerahan Sarawak, hasil dorongan Haji Abdul Rahman Kassim. Buku ini dijangka terbit pada 1950. Tetapi, tidak dapat dipastikan sama ada berjaya diterbitkan atau sebaliknya. Butiran ringkas ini dirangkum berdasarkan temu bual dengan Abdul Hamid Abdul Rahman pada 5/1/2001 dan *Utusan Sarawak*, 24 Oktober 1949, hlm. 4.

setegohnya”. Berhubung dasar perjuangannya, Ikhwan Zaini menegaskan “Utusan Sarawak adalah berdasar bebas .... Utusan Sarawak bukanlah diasas atau terikat oleh party, persekutuan atau pergerakan juapun”.<sup>6</sup>

### **Agenda dan Aspirasi**

Bagi menggarap cirta perjuangan *FS*, *UA* dan *US*, ini dapat dilakukan dengan merumuskan keseluruhan matan (isu dan persoalan) setiap akhbar (satu persatu) secara kohensif. Dengan ini, agenda dan aspirasi perjuangan akhbar dapat disoroti sekemasnya. Begitu juga dengan aspek perbandingan dan kesinambungan perjuangan antara ketiga-tiga akhbar. Kesemua tema vital yang disenggol (berdasarkan perumusan selektif terhadap isi kandungan utama *FS*, *UA* dan *US*) nanti bukan sekadar dapat mencerminkan perkembangan isu dan persoalan kritikal semasa, bahkan memancarkan pemikiran progresif dan dinamik *US*.

#### *Fajar Sarawak: Agama Dijunjung dan Nusa Disanjung*

*FS* bersikap kritis (secara halus) terhadap dasar dan kegiatan kolonialisme Barat di Nusantara. Begitu juga perluasan kuasa James Brooke di Sarawak. *FS* sedar tanah airnya jatuh di bawah penguasaan bangsa penjajah dan bangsa asing dagang.<sup>7</sup> Bagi *FS*, James Brooke adalah agen kolonial British dan ekspansionis. *FS* sedar jawatan penting dalam pentadbiran Brooke dikuasai oleh bangsa asing, khususnya pegawai Eropah. Brooke juga tidak tegas melindungi hak dan kepentingan bumiputera. Brooke tidak prihatin dengan nasib dan masa depan mereka. Bumiputera terus dibiarkan ketinggalan tanpa pembelaan yang sewajarnya.<sup>8</sup> Brooke tidak menunaikan peranannya sebagai pelindung dan penaung

---

<sup>6</sup> Halaman dua dan tiga dikhususkan untuk rencana pengarang, “Kritik” dan rencana. Berita dalam negeri meliputi hampir keseluruhan Sarawak. Terdapat berita dari Kuching, Simanggang, Serian, Lundu, Bau, Sibul, Bintulu, Tatau dan Miri. Kebanyakannya tertumpu kepada kegiatan golongan antipenyerahan. Berita luar negeri pula meliputi perkembangan di Eropah, Amerika Syarikat, Afrika, Asia Barat, Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Timur Jauh. Kebanyakan iklan terdiri daripada peniaga tempatan. Terdapat juga iklan dari Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia. Iklan tempatan dikuasai oleh peniaga Cina khususnya di Kuching. Terdapat juga iklan dari Saribas, Simanggang dan Saratok. Naskahnya tersimpan di Arkib Negeri, Kuching dan salinan mikrofilem di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya. Untuk butiran lanjut mengenainya, lihat *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 2566-2567.

<sup>7</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 1-2.

<sup>8</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 7.

bumiputera dalam erti kata yang sebenarnya. *FS* sedar rumpun Melayu seluruhnya sudah menjadi mangsa yang “ditakluki” dan “diperintah” oleh kuasa Barat.<sup>9</sup>

Selain Brooke, *FS* meletakkan tanggungjawab pemimpin Melayu atas kelemahan dan kemunduran masyarakat Melayu. Pemimpin merupakan pengantara rakyat dan pemerintah. Kepada merekalah orang Melayu menaruh harapan yang tinggi. Sebaliknya, pemimpin Melayu tidak melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Mereka mengabaikan hak dan kepentingan masyarakat Melayu. Nasib dan masa depan orang Melayu terus terbiar. Mereka lalai dan leka dengan kesenangan dan kemewahan hidup. Orang Melayu dibiarkan hidup terjerat dengan “penyakit-penyakit” kemunduran dan kemiskinan.<sup>10</sup> Ini menyebabkan *FS* membidas pemimpin Melayu. Mereka tidak menyedarkan dan menggerakkan orang Melayu menjadi bangsa progresif, tetapi tanpa segan-silu mereka membiarkan orang Melayu terus dibelenggu nasib kehinaan.<sup>11</sup> Bagi *FS*, ini adalah kezaliman dan penganiayaan terhadap orang Melayu. Mereka bermegah-megah dengan pangkat dan kekayaan. Ia tidak digunakan untuk membela dan memajukan kehidupan orang Melayu. Bagi *FS*, sepatutnya pemimpin dan orang Melayu hidup dalam budaya saling membantu. Apatah lagi, mereka adalah sebangsa dan seagama. Melalui semangat persaudaraan Islam, *FS* percaya masyarakat Melayu mampu memajukan diri dalam semua aspek kehidupan.<sup>12</sup>

Bagi *FS*, kemunduran orang Melayu (dan bumiputera umumnya) berpunca daripada sikap orang Melayu sendiri. Pemimpin Melayu hanya mementingkan diri dan keluarga mereka. Mereka hidup dengan memboros dan membazir. Kekayaan mereka tidak digunakan untuk memajukan ekonomi orang Melayu. Orang Melayu dirantai oleh sifat dengki dan khianat dengan kejayaan bangsanya sendiri. Mereka dihambat perasaan hina diri (rendah diri) dengan kaum bangsawan Melayu sendiri. Begitu juga dengan bangsa asing. Bagi meningkatkan taraf hidup orang Melayu, *FS* menggesa mereka agar bersatu dan bangkit ke arah kemajuan. Sifat-sifat yang memundurkan kehidupan mereka seharusnya dihapuskan dalam segala bentuknya.<sup>13</sup> Mereka harus mengutamakan kepentingan kolektif sebangsa sewatan,<sup>14</sup>

---

<sup>9</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>10</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 5.

<sup>11</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7.

<sup>12</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 2-4.

<sup>13</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 4.

bukannya terkucil dengan egoisme darah keturunan (hanya mementingkan keluarga dan kerabat semata-mata) serta hanya mementingkan diri sendiri sahaja.<sup>15</sup> Bagi *FS*, tidaklah mustahil bangsa Melayu bangkit pada zaman dekadensi itu kerana mereka pernah mengasaskan tamadun yang tinggi sebelum zaman penjajahan Barat, dan sebagai umat Islam, umat ini juga pernah menerajui peradaban dunia lebih 500 tahun lamanya. *FS* juga mahu masyarakat Melayu menguasai ilmu duniawi dan ukhrawi kerana ilmu merupakan cahaya kemajuan.<sup>16</sup>

*FS* menekankan kepentingan perpaduan Melayu dan persaudaraan Islam. Ini merupakan umbi kekuatan bangsa dan kemajuan ummah. Lantaran itu, *FS* sering menggesa masyarakat Melayu dan umat Islam umumnya agar mereka hidup bersatu padu dalam semua aspek kehidupan berlunaskan ajaran Islam yang progresif dan dinamik.<sup>17</sup> Bahkan, perpaduan dan persaudaraan Islam adalah tuntutan Islam kepada umatnya. Gagasan ini dapat digerakkan dengan kerjasama dan persefahaman seluruh lapisan masyarakat: pemimpin dan rakyat, kaum bapa dan kaum ibu serta pemuda dan pemudi. Melalui perpaduan dan persaudaraan, *FS* percaya masyarakat Melayu mampu memajukan kehidupan mereka. Islam adalah kunci perpaduan ummah dan pintu kemajuan.<sup>18</sup>

Dua tema yang diberikan perhatian khas oleh *FS* ialah ekonomi dan pendidikan. *FS* mengupas punca yang menyebabkan kemunduran masyarakat Melayu dalam aspek ekonomi dan mengutarakan cadangan bernas untuk mengatasinya. *FS* melihat masalah ini daripada aspek dalaman. *FS* mengkritik sikap bangsanya yang hanya berserah kepada nasib dan takdir, selain berpeluk tubuh dan goyang kaki. Ia menghalang masyarakat Melayu memajukan kehidupan mereka. Ini menjerumuskan mereka menjadi kuli dan penganggur pada zaman kemelesetan ekonomi dunia 1930-an. Malah, ada yang sanggup berkuli dengan bangsa asing daripada berdikari. Kegagalan masyarakat Melayu menceburi dan menguasai bidang perniagaan, berpunca daripada sikap malu berniaga dan tawar-menawar sesama bangsa. Ini

---

<sup>14</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>15</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>16</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 5.

<sup>17</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

<sup>18</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 4.

menyebabkan kegiatan perniagaan Melayu ketinggalan berbanding bangsa asing, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan kemajuan (ekonomi dan pendidikan) orang Cina.<sup>19</sup>

Bagi memajukan kegiatan ekonomi bangsanya, *FS* menggesa masyarakat Melayu agar menceburi kegiatan perniagaan secara aktif, menubuhkan syarikat perniagaan Melayu, saling bantu-membantu untuk memajukan perniagaan sebangsa, menghapuskan sikap yang merugikan perniagaan Melayu dan mencontohi kejayaan bangsa asing dalam bidang perniagaan. Ini termasuklah kegigihan Nabi Muhammad SAW berniaga sejak kecil lagi. *FS* juga menggalakkan masyarakat Melayu mengusahakan pertanian secara komersil dan bukan hanya untuk sara hidup semata-mata. Ini dapat meningkatkan taraf dan peranan ekonomi masyarakat Melayu, khususnya dalam kegiatan perdagangan dan perniagaan tani.<sup>20</sup>

Dalam aspek pendidikan pula, *FS* menuntut masyarakat Melayu menguasai dua cabang ilmu iaitu ilmu duniawi dan ukhrawi. Bagi mencapai ketinggian ilmu, *FS* menggesa masyarakat Melayu melanjutkan pelajaran tinggi sehingga ke luar negeri. Bagi *FS*, ilmu penting kerana ia adalah penggerak kemajuan. *FS* juga menuntut agar ibu bapa memberikan pendidikan kepada anak perempuan.<sup>21</sup> *FS* mahu wanita Melayu mencontohi kejayaan guru wanita di Tanah Melayu. Mereka mampu mengubah kehidupan mereka jika mereka mempunyai ilmu dan pendidikan tinggi. Bagi *FS*, masyarakat Melayu akan ketempangan jika wanita tidak dibekalkan dengan ilmu dan pendidikan. Mereka adalah ibu yang mendidik generasi akan datang. Demi kemajuan pendidikan masyarakat Melayu, *FS* menggesa pemimpin dan Brooke menubuhkan lebih banyak sekolah, maktab dan menghantar anak negeri ke seberang laut untuk menuntut ilmu. *FS* menuntut agar pelajar Melayu diberikan kuota biasiswa, khususnya bagi anak-anak Melayu (di sekolah Inggeris) yang layak melanjutkan pelajaran ke luar negeri.<sup>22</sup>

Dasar *laissez faire* regim Brooke mengakibatkan mereka tercicir apabila bersaing dengan pelajar Cina. *FS* kesal kerana Brooke tidak mengambil kira kedudukan dan taraf mereka sebagai puterabumi. Bagi *FS*, bumiputera perlu dibantu selayaknya untuk melanjutkan

---

<sup>19</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6; 1 Jun 1930, hlm. 3 dan 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>20</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 6; 1 Jun 1930, hlm. 3 dan 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>21</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

<sup>22</sup> *Fajar Sarawak*, 1 Mac 1930, hlm. 7; 1 Februari 1930, hlm. 7.

pelajaran ke luar negeri agar peluang tidak dibolot kesemua oleh pelajar Cina. Merekalah merupakan anak negeri yang setia dan taat memberikan khidmat bakti kepada tanah air mereka sendiri. Ini berbeza dengan status orang Cina (dewasa itu) sebagai bangsa dagang. Sebagai persediaan awalnya, *FS* menggesa masyarakat Melayu agar mencintai ilmu, bermula dengan budaya membaca. Ini dapat dilakukan dengan membaca bahan-bahan bacaan dari dalam dan luar negeri. Bagi *FS*, menyintai budaya membaca setara dengan menyintai tanah air.<sup>23</sup>

#### *Utusan ASAS: Menegakkan Sumpah dan Meluhurkan Maruah*

*UA* merupakan lidah rasmi patriot dalam gerakan antipenyERAHAN Sarawak. Penyerahan Sarawak menyebabkan tanah air mereka menjadi tanah jajahan British. Taraf kemerdekaan Sarawak dan kedaulatan bangsa dirampas. Bagi *UA*, penyerahan Sarawak tidak sah di sisi rakyat. Ia dibuat tanpa perundingan dan persetujuan pewaris takhta. Sebahagian besar bumiputera juga menentang penyerahan. Tipu muslihat dan sogokan yang digunakan oleh MacBryan adalah taktik kotor untuk merampas kemerdekaan Sarawak. Ugutan dan ancaman yang dikenakan ke atas ahli Majlis Negeri jelas bertentangan dengan demokrasi. *UA* juga mempertikaikan hak bangsa asing mengundi dalam Majlis Negri. Padahal, mereka bukanlah pemilik Sarawak. Bagi *UA*, hanya ahli Majlis Negri bumiputera sahaja yang berhak mengundi kerana mereka adalah pemilik tunggal tanah air. Ini menyebabkan undi pihak antipenyERAHAN kalah dalam Majlis Negeri. Walaupun usul penyerahan Sarawak diluluskan oleh Majlis Negri, tetapi ia tetap tidak sah di mata patriot Sarawak.<sup>24</sup>

*UA* menentang dasar penjajahan British. Ia bertentangan dengan Piagam Atlantik. Sebagai mematuhi piagam tersebut, British memerdekakan India, Burma dan Sri Lanka. Tetapi, pada masa yang sama, British menjajah Sarawak. *UA* berpendapat ia adalah tindakan yang sangat ironi. Penjajahan British ke atas Sarawak juga bertentangan dengan kesedaran kebangsaan di seluruh dunia. Proses dekolonialisasi meletus di Asia dan Afrika. Gelombang kolonialisasi selepas Perang Dunia II semakin surut. Namun, British menegakkan polisi penjajahannya ke atas Sarawak. Bagi *UA*, penjajahan Barat ke atas negeri-negeri yang kecil dan lemah bertopengkan kemajuan atau kemodenan tidak lagi laku kerana rakyata jajahan sudah

---

<sup>23</sup> *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 2.

<sup>24</sup> Lihat (antaranya), *Utusan ASAS*, 10 Oktober 1947, hlm. 1; 1 Disember 1947, hlm. 2; 15 Disember 1947, hlm. 2; 1 Februari 1948, hlm. 3 dan 1 Mei 1948, hlm. 3.

menyedari kemunafikan penjajah. Oleh itu, *UA* menuntut British agar mengembalikan kemerdekaan Sarawak. *UA* mahu British kekal sebagai penaung dan pelindung Sarawak. Rakyat masih menerima pemerintahan dinasti Brooke iaitu Raja Berperlembagaan (untuk sementara waktu, mengikut kesesuaian zaman). Maruah bangsa dan martabat nusa amat berharga. Ia perlu dipertahankan daripada dicemari oleh penjajahan. Kemerdekaan tidak dapat ditukargantikan kerana kemerdekaan ialah hak asasi manusia. Kemajuan dapat dicapai selangkah demi selangkah tanpa penjajahan. Kemerdekaan merupakan “hak pusaka suchi” rakyat Sarawak.<sup>25</sup>

Tindakan licik British menyekat kemasukan Anthony Brooke ke Sarawak mendapat pembelaan sewajarnya daripada puterabumi patriotik. *UA* menolak alasan memelihara keamanan yang diwar-warkan oleh British. Bagi *UA*, rakyat Sarawak menyintai kemerdekaan, keamanan dan kemajuan. Mereka berjuang atas landasan perundangan dan keamanan. Bahkan, sepanjang perjuangan menentang penyerahan Sarawak, mereka tidak pernah menggugat keamanan. *UA* percaya keamanan tetap terpelihara walaupun Anthony Brooke berada di Sarawak. Tetapi, British tetap berkeras dengan keputusannya. Ini menyebabkan *UA* membidas British kerana menyekat kemasukan Anthony Brooke bertentangan dengan hak demokrasi dan kebebasan asasi. *UA* sedar sekatan terhadap Anthony Brooke adalah salah satu taktik lihai British untuk menyekat pengaruh perjuangan antipenyerahan dan semangat kemerdekaan Sarawak yang kian bersemarak di seluruh negeri ketika itu.<sup>26</sup>

Sebagai Menteri Tanah Jajahan, *UA* berharap Lord Listowel memahami hati nurani patriot Sarawak agar kemerdekaan Sarawak dapat dikembalikan secara aman, namun ternyata lawatan Listowel amat mengecewakan *UA*. Listowel membutakan mata dan memekakkan telinganya terhadap tindakan dan tuntutan kemerdekaan Sarawak. Malah, Listowel mempertahankan dasar penjajahan Sarawak dan menyokong sekatan politik terhadap kemasukan Anthony Brooke ke Sarawak. Putarlogi politik Listowel merosakkan reputasi dan integriti Listowel di mata patriot Sarawak.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> *Utusan ASAS*, 1 Januari 1948, hlm. 2.

<sup>26</sup> *Utusan ASAS*, 1 Disember 1947, hlm. 2 dan 1 Mac 1948, hlm. 2; *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 2 dan 15 Januari 1948, hlm. 3..

<sup>27</sup> *Utusan ASAS*, 1 Mac 1948, hlm. 4; 10 Mac 1948, hlm. 1-2; 15 Mac 1948, hlm. 2-3 dan 1 April 1948, hlm. 1-2.

*UA* dapat mengesani taktik kotor penjajah British untuk memecahkan puterabumi Sarawak. Ia dilakukan dengan dua cara. Pertama, menaja penubuhan pertubuhan propenyserahan iaitu Persatuan Melayu Muda dan Persatuan Iban. Kedua, menyekat penglibatan orang Cina dalam hal ehwal politik tempatan. Kerajaan kolonial British turut memperalatkan semangat radikal Kipli Osman untuk memecahbelahkan perpaduan golongan antipenyserahan dari dalam secara halus, namun tindakan ini dapat dipintas dengan pantas oleh patriot Sarawak. Menerusi *UA*, mereka bersuara lantang menentang idea pungutan suara yang disarankan Kipli Osman. Patriot Sarawak bimbang idea ini memberikan peluang kepada penjajah British untuk menusukkan jarum muslihat dengan pelbagai taktik kotor (jika pungutan suara dilaksanakan di Sarawak). *UA* berjaya menyedarkan golongan antipenyserahan tentang bahaya perpecahan dalaman dan bahaya tersembunyi di sebalik pungutan suara itu.<sup>28</sup>

*UA* tidak mengeneipkan isu pendidikan, khasnya sekolah rakyat sebagai institusi pendidikan patriot Sarawak. *UA* berbangga dengan kejayaan golongan antipenyserahan menubuhkan sekolah rakyat demi membela nasib dan masa depan pendidikan anak-anak negeri (selepas penutupan banyak sekolah-sekolah Melayu sebagai protes guru-guru terhadap dasar penjajahan British). Biarpun dalam serba-serbi kedaiifan, tindakan ini membuktikan rakyat mampu berdikari dalam memajukan pendidikan anak negeri, dengan semangat dan sokongan daripada puterabumi Sarawak. Bagi memajukan sekolah rakyat, *UA* menggesa pemimpin dan orang Melayu agar memberikan bantuan moral dan material kepada pengelola sekolah rakyat. *UA* mahu rakyat menghargai budi dan pengorbanan patriot Sarawak untuk memajukan pendidikan anak negeri.<sup>29</sup>

Persaingan antara blok kapitalis dan komunis jelas merunsingkan *UA*. Hubungan yang semakin tegang dan persaingan yang kian sengit memungkinkan tercetusnya perang dunia ketiga pula. Dalam politik, tidak ada kemustahilan; semuanya serba mungkin. Oleh itu, *UA* mengingatkan agar penduduk Sarawak berwaspada dan bersedia terhadap kemungkinan perang yang lebih dahsyat. *UA* mahu rakyat menyediakan keperluan makanan dan pakaian serta merancang tempat perlindungan yang selamat sebelum perang meletus. Pengalaman Perang Dunia II sudah memadai sebagai turus pengajaran. Kegagalan British yang sungguh memalukan dalam mempertahankan Sarawak daripada serangan tentera Jepun pada awal

---

<sup>28</sup> *Utusan ASAS*, 1 Februari 1948, hlm. 3-4; 15 Februari 1948, hlm. 3 dan 1 Mac 1948, hlm. 3.

<sup>29</sup> *Utusan ASAS*, 15 Januari 1948, hlm. 2 dan 15 Februari 1948, hlm. 2-3.

Perang Dunia II telah menyebabkan patriot Sarawak ragu-ragu dengan janji dan kemampuan British. *UA* sedar rakyat tidak harus terlalu mempercayai janji penjajah. Mereka harus bersiaga untuk menghadapi kemungkinan perang. Keselamatan rakyat dan tanah air mereka sebenarnya terletak dalam tangan mereka sendiri.<sup>30</sup>

#### *Utusan Sarawak: Pembelaan Puterabumi dan Hak Kemerdekaan*

Seterusnya, sebagai mata rantai perjuangan patriot Sarawak menerusi *UA*, agenda dan aspirasi ini diteruskan dengan lebih lantang dan berani oleh *US*. Isu penyerahan dan penjajahan Sarawak tetap menjadi perhatian utama *US*.<sup>31</sup> Kritikan *US* terhadap British dan petualang penyerahan semakin tajam dan menikam dari semasa ke semasa. Apabila tercetusnya isu penikaman dan kematian Duncan Stewart pada akhir 1949, *US* memberikan liputan dan laporan yang meluas, jujur dan terbuka mengenainya. Peristiwa berdarah di Sibu itu menjadi isu paling hangat dan sensasi dalam tempoh 1949-1950. British pula memperalatkan kesempatan ini untuk melumpuhkan perjuangan antipenyserahan Sarawak dengan kekerasan.<sup>32</sup>

Selain itu, *US* mengamati secara kritis dasar pentadbiran kolonial British di Sarawak.<sup>33</sup> *US* sedar sebagai kerajaan penjajah, tindak-tanduk British lebih mengutamakan kepentingannya, bukan kepentingan bangsa dan tanah jajahan. Tekanan kos hidup dan inflasi yang tinggi yang tidak terkawal pada lima tahun pertama pentadbiran kolonial (1946-1950) kelihatan sangat mengecewakan *US*. Janji penjajah untuk memakmurkan Sarawak selepas kemusnahan perang tidak lebih daripada omong kosong semata-mata. Ia berpunca daripada pelaksanaan pelbagai cukai dan lesen yang membebankan rakyat, lebih-lebih lagi bumiputera yang hidup diramas kemiskinan. Malah, British tidak mengambil tindakan serius untuk menangani masalah kos

---

<sup>30</sup> *Utusan ASAS*, 5 April 1948, hlm. 2 dan 1 Mei 1948, hlm. 2.

<sup>31</sup> Lihat (misalnya), *Utusan Sarawak*, 13 November 1950, hlm. 2; 16 Januari 1949, hlm. 2 dan 18 September 1950, hlm. 2.

<sup>32</sup> Untuk kupasan lanjut, lihat (antaranya) Nordi Achie, "Pemikiran Antikolonial Dan Antikomunis Pada Awal 1950-an: Satu Peninjauan Dalam Konteks Isu Pengunduran Anthony Brooke Dan Jaminan Ke Arah Berkerajaan Sendiri Di Sarawak", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 33-2005, hlm. 87-108 dan "Pemikiran Ikhwan Zaini Terhadap Anarki Politik Antarabangsa, 1946-1950", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 31-2003, hlm. 165-188.

<sup>33</sup> Lihat (misalnya), *Utusan Sarawak*, 3 Julai 1950, hlm. 3; 15 Mei 1950, hlm. 3; 19 September 1949, hlm. 2; 14 Mac 1949, hlm. 3; 1 Februari 1949, hlm. 2 dan 7 Ogos 1950, hlm. 3.

hidup dan inflasi. Kerajaan kolonial British tidak mempedulikan rintihan dan keluhan rakyat.<sup>34</sup>

Tema kemiskinan ekonomi puterabumi Sarawak merupakan aspek penting yang dibangkitkan secara bertubi-tubi menerusi *US*.<sup>35</sup> Kemiskinan tegar ini ditelaah meliputi mancadimensi: perdagangan dan perniagaan seberang laut, perniagaan dalam negeri, pertukangan dan pertanian. *US* gigih menyedarkan pemimpin dan orang Melayu khasnya mengenai hak dan masa depan mereka dalam aspek ekonomi. Peranan dan penglibatan mereka dalam semua aspek (seperti dinyatakan tadi) semakin pupus. Sebaliknya, bangsa dagang dan bangsa penjajah yang terus memboloti kekayaan bumi Sarawak. *US* menggesa mereka membudayakan sikap progresif dan positif kerana semua perubahan bermula pada diri mereka sendiri, bahkan mereka perlu mencontohi sikap dan kejayaan bangsa asing dalam aspek ekonomi. *US* turut mendesak kerajaan penjajah memberikan pembelaan dan perhatian sewajarnya terhadap kemiskinan puterabumi Sarawak agar mereka tidak dipandang hina di tanah air mereka sendiri.<sup>36</sup>

Selain itu, *US* menyedari masalah genting puterabumi Sarawak dalam aspek pendidikan. Lantaran itulah, *US* memperjuangkan nasib dan kepentingan pendidikan puterabumi dari pendidikan asas sehinggalah pendidikan tinggi. *US* prihatin terhadap kepentingan ilmu dan institusi keilmuan<sup>37</sup> untuk membebaskan puterabumi Sarawak daripada cengkaman putaran ganas hidup ini: anak yang dilahirkan dalam keluarga miskin terus mewarisi kemiskinan keluarganya. Atas kesedaran ini, *US* menggesa masyarakat Melayu khasnya agar mereka mengubah kehidupan mereka dengan menjadikan ilmu sebagai senjatanya: menuntut ilmu teologi dan teknologi, ilmu agama dan dunia, ilmu sains dan kemanusiaan sehinggalah ke

---

<sup>34</sup> Lihat (antaranya), Nordi Achie, "Dasar Dan Kesan Pentadbiran Kolonial British Di Sarawak 1946-1950: Satu Penelitian Terhadap Kritikan Ikhwan Zaini", *Manu*, Bil. 10-2005, hlm. 45-69.

<sup>35</sup> Antaranya (lihat), *Utusan Sarawak*, 28 Mac 1949, hlm. 2; 4 Julai 1949, hlm. 4; 26 September 1949, hlm. 2; 24 Oktober 1949, hlm. 2; 9 Januari 1950, hlm. 4; 24 April, hlm. 3; 5 Jun 1950, hlm. 4; 19 Jun 1950, hlm. 4; 26 Jun 1950, hlm. 3; 17 Julai 1950, hlm. 4; 7 Ogos 1950, hlm. 2; 21 Ogos 1950, hlm. 2 dan 21 Ogos 1940, hlm. 2.

<sup>36</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat Nordi Achie, "Kemunduran Ekonomi Bumiputera Sarawak di Bawah Pemerintahan Kolonial British 1946-1950: Satu Tinjauan Khusus Berdasarkan *Utusan Sarawak* 1949-1950", *Purba*, Bil. 20-2001, hlm. 49-85.

<sup>37</sup> *Utusan Sarawak*, 28 Mac 1949, hlm. 4 dan 12 September 1949, hlm. 2.

peringkat universiti,<sup>38</sup> termasuklah hak pendidikan untuk anak-anak perempuan.<sup>39</sup> *US* tidak mahu anak-anak perempuan terbiar dan terabai dalam arus zaman kemajuan duniawi.<sup>40</sup>

Dalam pada itu, masyarakat Melayu menghadapi dua masalah getir pada akhir 1940-an dan awal 1950-an. Pertama, perpecahan masyarakat Melayu akibat daripada isu penyerahan Sarawak.<sup>41</sup> Kedua, kepincangan akhlak muda-mudi akibat peresapan pengaruh budaya Barat. Masalah perpecahan masyarakat Melayu menjadi lebih tajam kerana ia menjangkiti kegiatan keagamaan. Pada 1949 dan 1950, umat Islam di Sarawak tidak sepakat dalam menyambut tarikh Ramadan, Aidil Fitri dan Aidil Adha kerana sentimen antipenyerahan dan propenyerahan. Golongan muda-mudi pula diracuni gaya hidup Barat sehingga menyebabkan mereka melupakan identiti mereka sebagai anak Melayu dan umat Islam. Kedua-dua cabaran ini dapat diatasi dengan satu manhaj iaitu kembali kepada Islam. *US* mahukan masyarakat Melayu bersatu semula atas landasan Islam, merapatkan semula silaturahim dengan melupakan sengketa politik akibat muslihat kotor kerajaan kolonial British. Mereka merupakan mangsa yang dipermangsakan oleh politik penjajah.<sup>42</sup>

Bagi *US*, golongan muda-mudi harus kembali kepada identiti Melayu dan menjadikan Islam sebagai cara hidup.<sup>43</sup> Hakikat bahawa pemuda merupakan harapan bangsa dan pemuda sebagai tiang negara akan hancur jika mereka melupakan Melayu dan Islam. Pemuda-pemudi merupakan generasi harapan yang bertanggungjawab membela maruah bangsa dan martabat nusa. Di atas bahu merekalah terpiculnya amanah kemajuan dan kemerdekaan Sarawak. Mereka merupakan penanggung nasib dan penentu masa depan ibu watan mereka sendiri. Dalam konteks perjuangan keperlembagaan (mengikut lunas perundangan, keamanan dan demokrasi), senjata terampuh perjuangan pemuda ialah pena; manakala wadah perjuangan

---

<sup>38</sup> *Utusan Sarawak*, 19 September 1949, hlm. 4.

<sup>39</sup> *Utusan Sarawak*, 20 Jun 1949, hlm. 1 dan 18 Julai 1950, hlm. 3.

<sup>40</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat Nordi Achie, "Kemunduran Pendidikan Masyarakat Melayu di Sarawak Pada Awal Pemerintahan Kolonial British 1946-1950: Satu Tinjauan Dari Perspektif *Utusan Sarawak* 1949-1950", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 29-2001, hlm. 8-30.

<sup>41</sup> Lihat (misalnya), *Utusan Sarawak*, 7 Mac 1949, hlm. 2; 26 September 1949, hlm. 4; 27 Mac 1950, hlm. 3 dan 14 Ogos 1950, hlm. 4.

<sup>42</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat Nordi Achie, "Perpecahan Masyarakat Melayu di Sarawak dalam Konteks Isu Penyerahan, 1946-1950", *Purba*, Bil. 21-2002, hlm. 46-73.

<sup>43</sup> Lihat (antaranya) *Utusan Sarawak*, 11 April 1949, hlm. 2; 4 Julai 1949, hlm. 3; 11 Julai 1949, hlm. 3; 9 Januari 1950, hlm. 2; 27 Mac 1950, hlm. 3 dan 15 Mei 1950, hlm. 3.

pemudi bukanlah sekadar lincah di arena dapur, malah inilah masa terbaiknya pemudi (dan kaum ibu) terjun ke medan kenegaraan. Inilah antara perspektif progresif yang diserlahkan oleh *US* yang bertepatan dengan tuntutan dan cabaran zaman pascakolonialisme.<sup>44</sup>

*US* memberikan pemerhatian rinci terhadap isu perang dingin yang semakin rancak mempengaruhi suhu politik antarabangsa.<sup>45</sup> Berita mengenai keruncingan perang dingin dan perjuangan kemerdekaan terus menjadi topik utama yang mengisi ruangan berita luar negeri. Pembahagian Eropah kepada Eropah Barat (di bawah pengaruh Amerika Syarikat) dan Eropah Timur (di bawah pengaruh Soviet Union), penubuhan Kerajaan Komunis China dan Perang Korea menggentingkan lagi ketegangan blok kapitalis dan blok komunis. Begitu juga dengan gelombang perjuangan kemerdekaan di Indonesia dan Afrika. Perkembangan dunia semasa memperlihatkan dua ancaman iaitu kolonialisme dan komunisme. Dwiterorisisme ini merupakan punca anarki politik antarabangsa pasca-Perang Dunia II.<sup>46</sup>

### **Perbandingan dan Kesenambungan**

Pada dasarnya, agenda dan aspirasi perjuangan *US* lebih mirip kepada *FS*. Kedua-duanya menyentuh semua aspek: politik, ekonomi dan sosial. *UA* pula tidak mengambil rupa bentuk *FS* dan *US*. Ia lebih menumpukan kepada aspek politik. Dalam hubungan ini, *US* muncul sebagai lidah penyambung perjuangan *UA* dan *FS*. Ini merupakan rantaian perjuangan yang menarik dalam lipatan sejarah perjuangan akhbar Melayu di Sarawak, membabitkan *FS*, *UA* dan *US* – biarpun dua zaman memisahkan (pra dan pasca-Perang Dunia II), namun peranan dan kepentingan kesemua akhbar ini jelas saling melengkapi.

Pada prinsipnya, kesemua akhbar ini memperjuangkan hak, nasib dan masa depan puterabumi umumnya dan masyarakat Melayu khususnya. Justeru, peranan (dan sumbangan) *FS* dapat dirumuskan dalam lima mercu tanda penting. Pertama, *FS* membela puterabumi

---

<sup>44</sup> Lihat (antaranya), Nordi Achie, “Masyarakat Melayu-Muslim di Sarawak, 1946-1950: Satu Tinjauan Dari Perspektif Golongan Terpelajar Melayu”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 29-2001, hlm. 77-104 dan “Perpecahan Masyarakat Melayu di Sarawak dalam Konteks Isu Penyerahan, 1946-1950”, *Purba*, Bil. 21-2002, hlm. 46-73.

<sup>45</sup> Lihat (misalnya), *Utusan Sarawak*, 14 Mac 1949, hlm. 2; 25 April 1949, hlm. 2; 7 November 1949, hlm. 2.; 22 Ogos 1949, hlm. 2 dan 28 Ogos 1950, hlm. 2.

<sup>46</sup> Lihat (antaranya), Nordi Achie, “Pemikiran Ikhwan Zaini Terhadap Anarki Politik Antarabangsa, 1946-1950”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 31-2003, hlm. 165-188.

yang miskin dalam aspek ekonomi dan pendidikan. Kedua, *FS* menentang sikap dan pemikiran kolot orang Melayu yang menjadi batu penghalang kemajuan duniawi. Ketiga, *FS* menggesa masyarakat Melayu-Muslim khususnya dan seluruh anak negeri Sarawak agar hidup saling membantu sebangsa, seagama dan sewatan. Keempat, *FS* menuntut regim Brooke agar melindungi hak dan kepentingan puterabumi Sarawak (dalam semua aspek) secara konstruktif menerusi keperlembagaan. Kelima, *FS* secara halus namun tegas mengingatkan puterabumi Sarawak bahawa mereka sebenarnya sedang dikuasai bangsa penjajah.<sup>47</sup>

Peranan (dan sumbangan) penting *UA* dapat dirumuskan berdasarkan tiga turus utama. *UA* lebih memfokuskan perjuangannya kepada aspek politik. Ia dapat dilihat dalam tiga perkara. Pertama, *UA* menentang segigihnya dasar penjajahan British terhadap Sarawak (ini merupakan suatu penghinaan terhadap maruah puterabumi seluruhnya). *UA* membela maruah bangsa dan martabat nusa daripada dicabuli penjajah British. *UA* memperjuangkan kemerdekaan nusa dan kedaulatan bangsa. Kedua, *UA* mempertahankan hak politik puterabumi sebagai pemilik tunggal, pemilik asal dan pemilik sah Sarawak. Ketiga, *UA* meneguhkan sokongannya terhadap gagasan kemerdekaan yang diperjuangkan secara aman mengikut lunas perlembagaan dan demokrasi.<sup>48</sup>

Hak, nasib dan masa depan bumiputera yang diperjuangkan *US* merupakan kesinambungan gagasan *UA* dan *FS* (namun, pertelagahan antara Kaum Muda dan Kaum Tua yang pernah disentuh dalam *FS* bukan lagi menjadi isu pasca-Perang Dunia II). Kebenaran sejarah ini dapat disusuri dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Antaranya (sekadar menyebutkan aspek terpilih): pertama, *US* memperteguh prinsip menentang penyerahan Sarawak dan menuntut kemerdekaan tanah airnya secara bertali arus; kedua, *US* menentang segala bentuk kegiatan kolonialisme dan komunisme di seluruh dunia (kedua-dua terorisisme ini merupakan musuh utama keamanan dunia sejagat); ketiga, *US* menegur pemimpin Melayu dan orang Melayu (ada kalanya dengan nada keras dan ayat berbisa) yang membiarkan sahaja (berpeluk tubuh berpangku tangan) kekayaan negerinya dikaut dibolot oleh bangsa penjajah dan bangsa dagang; keempat, *US* menekuni dengan serius masalah kritikal (kemiskinan dan kemunduran) puterabumi Sarawak pada serba-serbinya; dan kelima, *US* mengkritik tindakan kerajaan

---

<sup>47</sup> Seperti disentuh sebelum ini (lihat garapan kohesif mengenai agenda dan aspirasi *Fajar Sarawak*).

<sup>48</sup> Seperti disentuh sebelum ini (lihat garapan kohesif mengenai agenda dan aspirasi akhbar berkenaan).

kolonial British yang tidak memberikan pembelaan dan keadilan terhadap nasib dan masa depan puterabumi Sarawak yang tertekan dan tertindas di tanah air mereka sendiri.<sup>49</sup>

Apabila diperhalusi, *FS* telah meletakkan umbi gagasan dan kerangka perjuangan yang mangkus dan inklusif. Pendekatan *FS* bersifat lebih halus tetapi tegas sejajar dengan suasana zaman kolonialisme dan feodalismenya; manakala pendekatan *UA* dan *US* lebih lantang dan keras sesuai dengan zaman dekolonialisasi dan demokrasi. Walaupun *FS* turut menyiku aspek politik (semangat antikolonialisme Barat), tetapi ia kurang menonjol berbanding ekonomi dan sosial. Ini berbeza dengan *UA* dan *US*. Citra politik *UA* dan *US* sangat menyerlah. Kedua-dua akhbar ini merupakan organ propaganda pertubuhan nasionalisme dan pergerakan politik antikolonialisme di Sarawak. Mandala kritikan *US* lebih meluas berbanding *UA*; tempoh penerbitan *UA* yang sangat singkat mengakibatkan akhbar ini tidak dapat (atau tidak sempat) menggeluti isu ekonomi, pendidikan dan sosial. Dalam konteks ini, sejarah telah memperlihatkan keadilannya: kelompongan *FS* dapat diisi *UA* dan kekurangan *UA* pula telah dilunaskan *US*. Inilah perjuangan tiga serangkai yang merentasi dwizaman yang berbeza.

## **Kesimpulan**

A. Samad Said (Sasterawan Negara) mengungkapkan: “Kita tidak harus terbiar melihat sejarah sebagai benda beku .... Menyusun fakta memang mudah, boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Tapi menghidangkannya secara berseni [berhunjamkan kreativiti keintelektualan] dan memungkinkan ditarik sesuatu kesimpulan [bermanfaat] daripada tafsiran-tafsiran [sejarah] tertentu memerlukan kewajaran dan kecerdasan berfikir seseorang” lantaran “Sejarah memang selalunya penuh dengan pelbagai rahsia yang tidak terjelaskan”.<sup>50</sup> *FS*, *UA* dan *US* diterbitkan tepat pada masanya. Ketika itu, puterabumi Sarawak benar-benar memerlukan kepemimpinan pemikiran. Menarik sekali, kumpulan yang bangkit memacu dan menerajui lembaran sejarah baharu ini ialah golongan intelektual Melayu, bukannya kaum elit Melayu feudal. Golongan intelektual merupakan kumpulan progresif, konstruktif dan kritis, malah berani menongkah arus sekali gus menentang segala bentuk kebobrokan zaman kolonialisme Barat. Kaum elit Melayu feudal pula merupakan kaum yang telah dimanja-manjakan penjajah dengan keselesaan hidup sehingga membiaklah penyakit cinta dunia dan takut mati dalam diri

---

<sup>49</sup> Seperti disentuh sebelum ini (lihat garapan kohesif mengenai agenda dan aspirasi *Utusan Sarawak*).

<sup>50</sup> Dipetik daripada Halilah Haji Khalid (ed.), *Mutiara Kata Sasterawan Negara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 57 dan 64.

mereka. Lantaran itu, zaman ini layak diangkat sebagai zaman intelektualisme Melayu dalam lembaran sejarah Sarawak. Perlu ditegaskan, biarpun mereka merupakan intelektual berdarah Melayu, namun gagasan dan perjuangan mereka diterapkan demi hak dan kepentingan puterabumi dan watan Sarawak. Di Bumi Kenyalang ini, tidak ada tempat – sekalipun hanya seinci – untuk rasisme dan bebalisme.